KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	KOSMO			
TARIKH	:	21/2/2022 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	4
JABATAN	:	PERHILITAN			

Taman Negara Kuala Tahan kurang pengunjung

JERANTUT – Peningkatan kes Covid-19 di seluruh negara serta penularan varian Omicron membuatkan pelancong ke Taman Negara Kuala Tahan, di sini merosot lebih 60 peratus.

Sebelum ini, purata pelancong ke pusat ekopelancongan itu seramai 2,000 orang seminggu, kini berkurang kepada kira-kira 1,000 pengunjung.

Pekerja hospitaliti Kuala Tahan, Sabri Abdullah berkata, dia serta pengusaha pusat inap dan penggiat ekopelancongan di situ mengakui peningkatan kes varian Omicron dalam negara menjadi punca penurunan itu.

"Saya dapat anggarkan cuma 40 peratus pengunjung ke sini sejak minggu lalu dan hari ini (semalam) sebilangan kecil sahaja yang habiskan cuti di sini pada hujung minggu," katanya di sini semalam.

Pengusaha Tahan Guest House, Norhasiyati Taharin berkata, pusat inapnya 'sepi' tanpa disinggahi pengunjung sejak dibuka awal bulan ini.

"Tak dapat saya hendak simpulkan kenapa masih sunyi, tetapi ancaman varian Omicron antara yang membantut hasrat pengunjung singgah di sini," katanya.



SEBAHAGIAN pengunjung yang hadir di sebuah pusat penginapan di Taman Negara Kuala Tahan, Jerantut semalam.

Kosmo 21022022_4